

## KEPERCAYAAN HARAPAN DAN NILAI TUGAS SUBJEKTIF DALAM KALANGAN ATLET SUKAN BOLING KUCHING

Ting Pei Yi<sup>1</sup>, Chin Ngien Siong<sup>2</sup>, Dana Raja a/l Narayanasamy<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak

<sup>2</sup>Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji motivasi atlet boling dengan meneroka Model Nilai Harapan Pilihan Pencapaian “*Expectancy-value Model of Achievement Choice*” (Eccles et. al, 1983). Kajian ini meneliti perbezaan kepercayaan harapan dan nilai tugas subjektif dengan jantina, kumpulan umur dan kaum. Para peserta terdiri daripada 100 atlet sukan boling yang berumur 13 hingga 21 tahun. Atlet-atlet tersebut telah menjawab soal selidik yang berkaitan dengan kepercayaan harapan dan nilai tugas subjektif. Pengkaji telah menggunakan ujian tidak bersandar (Independent Sample T- test) dan analisis varian sehala (one-way anova) untuk menganalisis data. Hasil dapatan kajian telah menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan bagi kepercayaan harapan  $t(98) = 0.41, p = .68$  dan nilai tugas subjektif  $t(98) = 0.95, p = .34$  dari aspek jantina. Namun begitu, analisis varian sehala telah menunjukkan perbezaan yang signifikan bagi kepercayaan harapan  $F(2,97) = 17.06, p = .00$  dan nilai utiliti  $F(2,97) = 17.06, p = .00$  di mana kumpulan umur antara 19 - 21 mempunyai nilai kepercayaan harapan  $(6.16 \pm .49)$  dan nilai utiliti  $(6.26 \pm .74)$  yang lebih tinggi berbanding dengan kumpulan umur 13 - 15 group  $(4.88 \pm 1.24)$   $(5.31 \pm 1.40)$  dan kumpulan umur 16 - 18  $(5.29 \pm .82)$   $(5.98 \pm 1.14)$ . Namun begitu, hasil kajian menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan bagi kepercayaan harapan  $F(3,96) = 2.91, p = .40$  dan nilai tugas subjektif  $F(3,96) = 1.11, p = 0.35$  antara kaum. Keputusan kajian mencadangkan agar meningkatkan persekitaran yang dapat menambah penguasaan pembelajaran, usaha, memperbaiki diri dan keseronokan perlu distrukturkan sebagai satu bahagian penting dalam pendidikan atlet.

**Kata Kunci:** kepercayaan harapan, nilai tugas subjektif, sukan boling

### ABSTRACT

*The purpose of this study was to examine the motivation processes by utilizing the Expectancy-value Model of Achievement Choice (Eccles et al, 1983) in ten-pin bowling. This study examined gender, age groups and race differences of bowlers' expectancy beliefs and subjective task values. The participants comprised of 100 bowlers aged 13 to 21 years old. The athletes completed the expectancy value questionnaire assessing their expectancy-related beliefs and subjective task values. The independent sample t-test and one-way Anova were utilised to analyze the data. The independent sample t-test showed that there was no significant gender difference in expectancy beliefs,  $t(98) = 0.41, p = .68$  and subjective task value,  $t(98) = 0.95, p = .34$ . However, one-way ANOVA showed that there was a significant difference in expectancy beliefs,  $F(2,97) = 17.06, p = .00$  and utility value,  $F(2,97) = 17.06, p = .00$ . Post Hoc Tukey's HSD showed that 19-21 age group displayed higher expectancy beliefs  $(6.16 \pm .49)$  and utility value  $(6.26 \pm .74)$  as compared to the 13-15 age group  $(4.88 \pm 1.24)$   $(5.31 \pm 1.40)$  and 16-18 age group  $(5.29 \pm .82)$   $(5.98 \pm 1.14)$  respectively. However, the one-way ANOVA showed no significant difference between races in expectancy beliefs,  $F(3,96) = 2.91, p = .40$  and subjective task values,  $F(3,96) = 1.11, p = 0.35$ . The findings recommend the*

*adaptation of a mastery environment that can enhance learning, self-improvement and enjoyment so that bowlers and significant others can work together to achieve higher success in bowling.*

**Keywords:** *expectancy beliefs, subjective task values, bowling*

## **PENGENALAN**

Boling merujuk kepada siri sukan atau kegiatan di mana seorang pemain gulung atau melemparkan bola boling menuju sasaran. Sukan boling berasal daripada permainan "skittle" yang sangat popular di negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat. Dalam sukan boling, ia boleh dibahagikan kepada banyak jenis dan salah satu daripadanya ialah Boling Sepuluh Pin atau Ten Pin Bowling. Boling sepuluh pin atau "ten-pin bowling" adalah sejenis sukan kompetitif dan riadah di mana seorang pemain diperlukan untuk menggolek bola di atas lorong (lane) dengan tujuan untuk memperoleh mata secara menjatuhkan sebanyak pin yang boleh.

Di Sarawak, sukan boling telah semakin berkembang dari tahun ke tahun dan ia telah berjaya melahirkan atlet yang telah mengharumkan nama sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Usaha yang ditunjukkan oleh Majlis Sukan Negeri Sarawak dan Persatuan Tenpin Bowling Sarawak dalam mencapai kecemerlangan dalam sukan boling dapat dibuktikan melalui rekod Sarawak dalam Sukan Malaysia (SUKMA).

## **PENYATAAN MASALAH**

Merujuk kepada Keputusan Rasmi SUKMA 2014 sehingga 2016, Pasukan Boling Sarawak telah menunjukkan peningkatan prestasi yang mendadak dalam sukan boling. Sejak kebelakangan ini, Persatuan Tenpin Bowling Sarawak "Amenyataanateur Tenpin Bowling Association of Sarawak" telah berjaya menghasilkan atlet yang berpotensi tinggi untuk mengganti atlet sukan boling negara seperti Shalin Zulkifli. Menurut Ong dalam Borneo Post Online (2018), beliau menyatakan bahawa "Weightlifting have 32 gold medals, so we are targeting 10 to 20 per cent or six to seven gold medals. Archery 20 gold medals, shooting over 20 gold medals, Taekwondo, tenpin bowling and so on." Beliau juga menyatakan bahawa sukan-sukan tersebut merupakan penyumbang utama yang boleh membawa negeri Sarawak untuk mencapai kejayaan dalam SUKMA 2018. Peningkatan pencapaian sukan boling yang amat mengagumkan telah ditunjukkan semasa SUKMA XVIII pada tahun 2016 di mana atlet-atlet telah berjaya meraih sebanyak 11 pingat emas berbanding dengan pencapaian SUKMA XVII pada tahun 2014 yang meraih 6 pingat emas. Kutipan pingat sukan boling dan beberapa sukan lain dalam SUKMA 2014 hingga 2016 adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1**

Kutipan Pingat Dalam Sukan Boling Berbanding Dengan Sukan Lain Bagi Negeri Sarawak Dalam SUKMA 2014 – 2016

Jenis Sukan	SUKMA XVII 2014				SUKMA XVIII 2016			
	E	P	G	Jumlah Pingat	E	P	G	Jumlah Pingat
Tenpin Boling	6	5	2	13	11	4	1	16
Renang	9	5	3	17	6	3	4	13
Wushu	5	5	6	16	6	4	6	16
Olahraga	5	3	5	13	5	5	8	18
Angkat Berat	2	3	1	6	1	3	3	7
Memanah	3	1	1	5	3	2	3	8

(Laman Utama SUKMA Sarawak, 2016)

Dalam kajian ini, permasalahan yang ingin dikenal pasti ialah faktor-faktor yang menjadi pendorong kepada motivasi atlet untuk bertanding dalam pertandingan serta mengenal pasti dan memahami motivasi atlet sukan boling dengan menggunakan model nilai harapan pilihan pencapaian. Dengan itu, ia adalah penting untuk mengenal pasti dan memahami motivasi atlet sukan boling dengan menggunakan model nilai harapan pilihan pencapaian iaitu kepercayaan harapan dan nilai tugas subjektif yang boleh memberi gambaran tentang mengapa atlet sukan boling boleh mempunyai pencapaian yang baik semasa SUKMA.

**OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengkaji perbezaan dalam kepercayaan harapan dan nilai tugas subjektif dari aspek jantina.
2. Mengkaji perbezaan dalam kepercayaan harapan dan nilai tugas subjektif dari aspek kumpulan umur.
3. Mengkaji perbezaan dalam kepercayaan harapan dan nilai tugas subjektif dari aspek bangsa.

Soalan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara kepercayaan harapan dan nilai tugas subjektif dari aspek jantina?

2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara kepercayaan harapan dan nilai tugas subjektif dari aspek kumpulan umur?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara kepercayaan harapan dan nilai tugas subjektif dari aspek bangsa?

## **METODOLOGI**

### **REKA BENTUK KAJIAN**

Secara umumnya, kajian ini adalah kajian kuantitatif yang berbentuk deskriptif bagi mengenal pasti dan mengkaji secara empirikal dan sistematik berkaitan kepercayaan nilai harapan pilihan pencapaian atlet dalam sukan boling. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dengan tujuan untuk melihat perbezaan kepercayaan harapan dan nilai tugas subjektif antara atlet sukan boling yang terdiri daripada jantina, umur dan pelbagai bangsa. Pemboleh ubah tidak bersandar ialah jantina, umur dan bangsa. Sementara itu, pemboleh ubah bersandar ialah kepercayaan harapan dan nilai tugas subjektif.

### **PENSAMPELAN**

Kajian ini telah dilaksanakan di Persatuan Tenpin Boling Sarawak (ABAS). Sasaran populasi untuk kajian ini terdiri daripada semua atlet sukan boling di bahagian Kuching. Mereka merupakan atlet yang berumur 13 tahun sehingga 20 tahun. Sampel ini terdiri daripada 100 orang atlet boling. Mereka terdiri daripada 46 atlet lelaki dan 54 atlet perempuan.

### **INSTRUMEN KAJIAN**

Untuk pengumpulan data dalam kajian ini, instrumen yang digunakan dibahagikan kepada dua bahagian yang berfungsi untuk menggunakan pemboleh ubah tidak bersandar dan bersandar iaitu kepercayaan harapan dan nilai tugas subjektif.

Kepercayaan harapan dan nilai tugas subjektif diukur dan disesuaikan dengan instrumen yang dikemukakan dan digunakan oleh Eccles et. al. (1983); Xiang, McBride, Guan dan Solmon (2003); Xiang, McBride dan Brune (2004).

### **KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN**

Kepercayaan harapan dan nilai tugas subjektif telah menunjukkan kesahan dan kebolehpercayaan yang baik dalam bentuk akademik, sukan dan pendidikan jasmani (Eccles et. al., 1983; Gao, 2007; Jacobs et al., 2002; Xiang, McBride & Bruene, 2004, 2006; Xiang, McBride, Guan & Solmon, 2003).

Konsistensi dalaman kepercayaan harapan dan nilai tugas subjektif ditentukan dengan menggunakan pengiraan pekali Alpha (Cronbach, 1951). Kaedah kebolehpercayaan dalaman yang paling biasa adalah alpha Cronbach yang merupakan korelasi purata di antara item dalam ujian atau soal selidik. Nunnally (1978) mencadangkan kriteria pekali Cronbach berikut: nilai pekali alpha yang lebih besar daripada .9 0 menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi, nilai antara .7 0 dan .9 0 sebagai kebolehpercayaan dan nilai yang boleh diterima kurang daripada .7 0 sebagai kebolehpercayaan yang lemah. Kriteria yang diterima minimum ditetapkan pada .70 seperti yang dicadangkan oleh Nunnally (1978) kerana pekali kebolehpercayaan yang lebih kecil dilihat sebagai tidak mencukupi.

### **PROSEDUR PENGUMPULAN DATA**

Sebanyak 100 soal selidik telah dicetak dan dilampirkan dengan surat serta segala alat tulis juga disediakan seperti pensel. Pengedaran soal selidik boleh di kendali dengan kerjasama penuh daripada atlet, jurulatih dan pengurus sukan. Pengkaji juga akan memberi jaminan kerahsiaan berkaitan soal selidik dan arahan lisan diberikan mengenai cara mengendalikan soal selidik kepada responden.

### **PROSEDUR PENGANALISISAN DATA**

Kedua –dua deskriptif dan inferens statistik digunakan untuk menganalisis data. Data tersebut dikodkan, diedit dan dianalisis menggunakan Statistical Package for the Social Science (SPSS). Beberapa jenis analisis statistik seperti teknik statistik deskriptif dan inferens telah diguna pakai untuk menganalisis soalan penyelidikan. Pertama, statistik deskriptif seperti kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan untuk tujuan laporan data daripada dua jenis soal selidik. Kedua, ujian T tidak bersandar dan Analisis Varian Sehala (ANOVA) digunakan untuk menentukan sama ada terdapat kepercayaan harapan dan nilai tugas subjektif dalam sukan boling dari konteks jantina, kumpulan umur dan bangsa. Aras signifikan bagi ujian T dan ANOVA ditetapkan pada aras keyakinan 0.05.

### **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

#### **PERBEZAAN KEPERCAYAAN HARAPAN DAN NILAI TUGAS SUBJEKTIF BERDASARKAN JANTINA**

Jadual 2 menunjukkan perbezaan kepercayaan harapan dan nilai tugas subjektif dengan jantina. Perbezaan kepercayaan harapan dan nilai tugas subjektif dengan jantina adalah dianalisis dengan menggunakan ujian T sampel tidak bersandar.

#### **Jadual 2**

Ujian T sampel tidak bersandar bagi kepercayaan harapan dan nilai tugas subjektif dari aspek jantina

Variasi	Lelaki		Perempuan		Ujian T sampel Tidak bersandar		
	<i>M</i>	<i>SD</i>	<i>M</i>	<i>SD</i>	<i>t</i>	df	<i>P</i>
Nilai kepercayaan harapan	5.44	1.04	5.34	1.18	0.41	98	0.68
Nilai tugas subjektif	3.51	0.75	3.38	0.62	0.95	98	0.34
Nilai utiliti	5.73	1.20	5.77	1.27	1.62	98	0.87
Nilai pencapaian	5.78	1.04	5.82	1.04	0.63	98	0.86
Nilai intrinsik	6.07	1.13	6.07	1.03	1.24	98	0.99
Nilai kos	2.76	1.05	2.58	0.78	0.98	98	0.33

Note: \*= $p < 0.05$

Hasil analisis menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan yang signifikan secara statistik antara lelaki dan perempuan dalam kepercayaan harapan,  $t(98)= 0.41$ ,  $p=0.68$ . Hasil kajian ini menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan secara statistik dalam kepercayaan nilai tugas subjektif berdasarkan jantina,  $t(98)= 0.95$ ,  $p=0.34$ .

### PERBEZAAN KEPERCAYAAN HARAPAN DAN NILAI TUGAS SUBJEKTIF DENGAN KUMPULAN UMUR

Jadual 3 menunjukkan perbezaan kepercayaan harapan dan nilai tugas subjektif dengan kumpulan umur. Perbezaan kepercayaan harapan dan nilai tugas subjektif dengan kumpulan umur adalah dianalisis dengan menggunakan analisis varian sehala (one-way Anova).

#### Jadual 3

Analisis Varian Sehala (ONE-WAY ANOVA) bagi Kepercayaan Harapan dan Nilai Tugas Subjektif dari Aspek Kumpulan Umur

Variasi	Kumpulan Umur			F	Nilai-p
	13 – 15	16-18	19-21		
Kepercayaan harapan	4.88 (1.24)	5.29 (0.82)	6.16 (0.49)	17.06	0.00*
Nilai tugas subjektif	3.46 (0.72)	3.60 (0.65)	3.30 (0.63)	1.24	0.29
Nilai utiliti	5.31 (1.40)	5.98 (1.14)	6.26 (0.74)	6.82	0.00*
Nilai pencapaian	5.60 (1.10)	5.82 (0.95)	6.10 (0.96)	2.21	0.12
Nilai intrinsik	6.24 (1.04)	6.00 (0.87)	5.86 (1.21)	1.26	0.29
Nilai kos	2.75 (0.99)	2.86 (0.82)	2.42 (0.81)	1.82	0.17

Note:\*  $p < 0.05$

Hasil analisis menunjukkan keputusan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik dalam kepercayaan harapan berdasarkan kumpulan umur,  $F(2,97)=17.06$ ,  $p=0.00$ . Kumpulan umur antara 19 – 21 mempunyai nilai kepercayaan yang lebih tinggi ( $6.16 \pm 0.49$ ) berbanding dengan kumpulan umur 16 - 18 ( $5.29 \pm 0.82$ ) dan kumpulan umur 13 - 15 ( $4.88 \pm 1.24$ ).

Selain itu, hasil analisis juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik dalam nilai utiliti berdasarkan kumpulan umur,  $F(2,97)=6.82$ ,  $p=0.00$ . Kumpulan umur antara 19 – 21 mempunyai nilai kepercayaan yang lebih tinggi ( $6.26 \pm 0.74$ ) berbanding dengan kumpulan umur 16 – 18 ( $5.98 \pm 1.14$ ) dan kumpulan umur 13 – 15 ( $5.31 \pm 1.40$ ).

Namun begitu, hasil analisis juga menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan yang signifikan secara statistik dalam nilai tugas subjektif,  $F(2,97)=1.24$ ,  $p=0.29$ , nilai pencapaian,  $F(2,97)=2.21$ ,  $p=0.12$ , nilai intrinsik,  $F(2,97)=1.26$ ,  $p= 0.29$  dan nilai kos,  $F(2,97)=1.82$ .  $p=0.17$ .

**Jadual 4**

Ujian Post-Hoc Tukey bagi Kepercayaan Harapan dan Nilai Tugas Subjektif antara kumpulan umur

Variasi	Perbezaan antara kumpulan umur, nilai <i>p</i>		
	1 vs 2	1 vs 3	2 vs 3
Kepercayaan harapan	0.27	0.00*	0.01*
Nilai utiliti	0.10	0.00*	0.68

Note: 1= 13-15, 2=16-18, 3=19-21

Terdapat perbezaan signifikan bagi kepercayaan dan nilai utiliti antara kumpulan umur. Perbandingan Post Hoc dengan menggunakan Ujian Tukey telah menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi kepercayaan harapan antara kumpulan umur 13-15 vs 19-21,  $F(2,97) = 17.06$ ,  $p=0.00$ ,  $d= 0.3$  dan kumpulan umur 16-18 vs 19-21,  $F(2,97) = 6.82$ ,  $p=0.00$ ,  $d=0.1$ . Selain itu, perbandingan Post hoc juga menunjukkan perbezaan yang signifikan bagi nilai utiliti antara kumpulan umur 13-15 vs 19-21,  $F(2,97)=6.82$ ,  $p=0.00$ ,  $d= 0.1$ . Saiz kesan (effect size) antara kepercayaan dan kumpulan umur adalah sederhana dan saiz kesan antara nilai utiliti dan kumpulan umur adalah lemah. Menurut Cohen (1988), tujuan saiz kesan adalah untuk mengukur tahap perbezaan antara 2 variasi. Saiz kesan antara 0.0-0.20 adalah lemah, 0.21-1.00 adalah sederhana dan lebih 1.0 adalah kuat.

**PERBEZAAN KEPERCAYAAN HARAPAN DAN NILAI TUGAS SUBJEKTIF DENGAN KAUM**

Jadual 5 menunjukkan perbezaan kepercayaan harapan dan nilai tugas subjektif dengan kaum. Perbezaan kepercayaan harapan dan nilai tugas subjektif dengan kaum adalah dianalisis dengan menggunakan analisis varian sehala (one-way Anova).

**Jadual 5**

Analisis Varian Sehala (ONE-WAY ANOVA) dengan bagi Kepercayaan Harapan dan Nilai Tugas Subjektif dari Aspek Kaum

Variasi	Kaum				F	<i>p</i> - value
	Melayu	Cina	Dayak	Lain-lain		
Kepercayaan harapan	5.03 (1.29)	5.48 (1.02)	5.53 (0.90)	5.91 (0.85)	2.91	0.40
Nilai tugas subjektif	3.34 (0.63)	3.42 (0.68)	3.40 (0.70)	3.70 (0.74)	1.11	0.35
Nilai utiliti	5.45 (1.35)	6.06 (1.14)	5.76 (1.00)	6.12 (1.28)	1.69	0.18
Nilai pencapaian	5.63 (1.07)	5.97 (1.10)	5.92 (0.93)	5.88 (1.07)	0.69	0.56
Nilai intrinsik	6.04 (1.21)	6.19 (0.88)	6.10 (1.11)	5.97 (0.94)	0.14	0.93
Nilai kos	2.60 (0.83)	2.59 (0.83)	2.60 (1.07)	2.97 (0.94)	0.79	0.50

Note: \*= $p < 0.05$

Hasil analisis menunjukkan keputusan bahawa tidak ada perbezaan yang signifikan secara statistik dalam kepercayaan harapan antara kaum  $F(3,96) = 2.91$ ,  $p=0.40$ .

Selain itu, hasil analisis juga menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan yang signifikan secara statistik dalam nilai tugas subjektif,  $F(3,96)=1.11$ ,  $p=0.35$ , nilai utiliti,  $F(3,96)=1.69$ ,  $p=0.18$ , nilai pencapaian,  $F(3,96)=0.69$ ,  $p=0.56$ , nilai intrinsik,  $F(3,96)=0.14$ ,  $p=0.93$  dan nilai kos,  $F(3,96)=0.79$ ,  $p=0.50$ .

## **PERBINCANGAN**

### **Kepercayaan Harapan**

Keputusan yang didapati dalam kajian ini menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara jantina dalam kepercayaan harapan dan nilai tugas subjektif. Perbezaan jantina dalam kepercayaan harapan akan muncul pada tahun-tahun awal dalam perkembangan kanak-kanak tetapi semakin berkurangan dengan meningkatnya umur (Eccles, 2004a). Oleh itu, ia adalah perlu untuk memastikan bahawa kanak-kanak mempunyai keyakinan terhadap keupayaan mereka untuk berjaya dalam sukan. Ia juga penting bahawa mereka melihat diri mereka sebagai cekap dan mampu untuk melibatkan diri dalam aktiviti fizikal (Daigle, 2003).

Walaupun tiada perbezaan yang signifikan antara jantina, tetapi hasil kajian telah menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan umur di mana atlet yang lebih tua mempunyai kepercayaan harapan yang lebih tinggi apabila dibandingkan dengan atlet yang lebih muda. Ini menyokong dapatan kajian lepas (Xiang, McBride & Bruene, 2004) yang menunjukkan keputusan yang sama. Ini kerana atlet yang lebih tua mempunyai pemahaman yang lebih baik, boleh mentafsir dan mengintegrasikan maklumat yang bernilai daripada apa yang mereka terima berbanding dengan atlet yang berumur lebih muda.

Menurut William (2013), beliau telah menyatakan bahawa harapan yang paling diinginkan oleh murid ataupun atlet adalah diberi layanan yang adil dan sama rata tanpa mengira latar belakang murid. Berdasarkan hasil dapatan kajian, kepercayaan harapan dan nilai tugas subjektif tidak mempunyai perbezaan yang signifikan dari aspek kaum. Ini telah menunjukkan atlet-atlet sukan boling telah menerima layanan yang sama rata dan jurulatih bersikap adil dan tidak berat sebelah.

### **Nilai Tugas Subjektif**

Hasil kajian telah menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan yang signifikan dalam nilai-nilai tugas subjektif antara atlet lelaki dan atlet perempuan. Dapatan ini adalah selaras dengan kajian yang pernah dibuat oleh Gao, 2007; Xiang, McBride & Bruene, 2006 yang menunjukkan tiada perbezaan dalam aspek jantina. Di peringkat sekolah, semua murid lelaki dan perempuan akan belajar bersama dalam satu kumpulan dan mereka telah diberi peluang untuk menerima latihan dan pendidikan yang sama taraf. Oleh itu, boleh dirumuskan bahawa sukan yang dilihat sebagai aktiviti yang "neutral-jantina" akan membawa kepada ketekunan, keseronokan dan kepuasan diri yang lebih tinggi dalam kalangan individu semasa penyertaan aktiviti sukan (Duda et al., 1995).

Dari segi kumpulan umur pula, atlet remaja yang lebih berusia juga menunjukkan nilai utiliti yang lebih tinggi berbanding dengan atlet yang lebih muda. Ini kerana atlet remaja yang lebih berusia mempunyai pemahaman yang lebih baik, boleh mentafsir dan mengintegrasikan maklumat yang bernilai daripada apa yang mereka terima. Perbezaan yang signifikan bagi nilai utiliti ini mungkin disebabkan oleh pengaruh



orang luar seperti ibu bapa dan jurulatih. Ini kerana ibu bapa atau jurulatih lebih mengetahui keperluan atlet atau anak-anak mereka dan seterusnya boleh meningkatkan penglibatan atlet dalam bidang sukan tersebut. Komitmen ibu bapa yang positif boleh mempengaruhi kecekapan remaja dan kepercayaan nilai (Fredricks & Eccles, 2002).

Seterusnya ialah dari segi kaum di mana hasil dapatan kajian tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan antara kaum bagi aspek nilai tugas subjektif. Menurut Aziz (2001), ganjaran merupakan salah satu faktor ekstrinsik yang dilihat sebagai institusi pencapaian. Semasa SUKMA 2016, setiap atlet yang telah berjaya meraut pingat emas akan diberi ganjaran sebanyak RM5000 tanpa mengira bangsa dan kaum. Berdasarkan dapatan kajian, jelas menunjukkan atlet dan jurulatih dalam sukan boling mengamalkan sifat keadilan dan tidak pilih kasih atau mementingkan kaum yang khas sahaja.

## **KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI**

### **KESIMPULAN**

Kajian ini telah menggunakan model Nilai Harapan Pilihan Pencapaian bagi mengenal pasti perbezaan jantina, kumpulan umur dan kaum dalam kalangan atlet sukan boling Kuching berdasarkan kepercayaan harapan dan nilai tugas subjektif (nilai pencapaian, nilai intrinsik, nilai utiliti dan nilai kos). Berdasarkan analisis yang dilakukan berdasarkan perbezaan jantina dalam kepercayaan harapan dan nilai tugas subjektif, hasil kajian telah menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara atlet lelaki dan atlet perempuan. Perbezaan kepercayaan harapan dan nilai tugas subjektif berdasarkan kumpulan umur menunjukkan bahawa atlet yang lebih berusia mempunyai kepercayaan harapan dan nilai tugas subjektif (nilai utiliti) yang lebih tinggi berbanding dengan atlet yang lebih muda. Bagi aspek kaum pula, hasil analisis telah menunjukkan bahawa atlet dalam golongan kaum-kaum lain mempunyai kepercayaan harapan yang lebih tinggi apabila dibandingkan dengan kaum Melayu, Cina dan Dayak. Namun, tiada perbezaan yang signifikan ditunjukkan dalam nilai tugas subjektif berdasarkan kaum.

Kesimpulannya, hasil kajian ini memberikan maklumat tambahan tentang perbezaan jantina, kumpulan umur dan kaum dalam kepercayaan harapan dan nilai tugas subjektif. Oleh itu, boleh dirumuskan bahawa kajian ini menyokong pengintegrasian model nilai harapan pilihan pencapaian Eccles et al. (1983) untuk memahami motivasi dalam sukan dari perspektif Malaysia amnya dan Sarawak khususnya.

### **IMPLIKASI**

Kajian ini dapat memberi gambaran kepada jurulatih-jurulatih tentang cara penambahbaikan latihan program kepada atlet serta lebih mengenali dan memahami keperluan atlet yang bertujuan untuk meningkatkan pencapaian atlet. Selain itu, ibu bapa juga memainkan peranan yang penting dalam membentuk kepercayaan dan tingkah laku atlet dengan menggunakan pengaruh positif. Apabila jurulatih dan ibu bapa mempunyai persepsi yang tinggi tentang keupayaan atlet, penurunan dalam kepercayaan harapan dan nilai tugas subjektif akan kurang dramatik dan mungkin akan meningkatkan penglibatan dan akhirnya menggalakkan penyertaan dalam sukan (Daigle, 2003; Simpkins, Fredrick & Eccles, 2015). Sementelahan itu, ia juga memberi implikasi kepada atlet-atlet dengan memberi sokongan positif dan

seterusnya boleh membina tingkah laku atlet dalaman. Dengan itu, ia boleh membantu untuk memaksimumkan motivasi atlet bagi mencapai kecemerlangan dalam bidang sukan.

### CADANGAN

Penemuan daripada kajian ini memberikan beberapa cadangan khusus kepada jurulatih, pihak sekolah ataupun mana-mana pihak yang berminat dalam kajian ini. Sementara itu, kepercayaan harapan dan nilai tugas subjektif adalah berkaitan antara satu sama lain, para jurulatih juga perlu melihat kepada pembangunan positif kepercayaan harapan dan nilai tugas subjektif terhadap sukan. Ini adalah kerana seseorang atlet yang menjangka untuk melakukan yang terbaik dalam sesuatu aktiviti dan nilai yang tinggi terhadap tugas tersebut akan menjangkakan untuk memilih tugas tersebut berbanding orang lain. Selain itu, pengkaji juga disarankan supaya mempelbagaikan kaedah dapatan kajian seperti melaksanakan sesi temu bual bersama atlet dan jurulatih bagi mendapatkan maklumat atau data yang lebih terperinci.

### RUJUKAN

- Aziz, S. A. (2001). *Mengaplikasi teori psikologi dalam sukan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Borneo Post Online. (2018, March 5). *Sarawak aims to be Sukma 2018 champion*. Retrieved March 3, 2018, from Borneo Post Online: <http://www.theborneopost.com/2018/03/05/sarawak-aims-to-be-sukma-2018-champion/>
- Cronbach, L. J. (1951). Coefficient alpha and the internal structure of tests. *Psychometrika*, 16, 297-334.
- Daigle, K. G. (2003). Gender differences in participation of physical activities: A comprehensive model approach. Unpublished doctoral dissertations, Louisiana Southeastern University, Louisiana, USA.
- Early, D. M., Eccles, J. S., & Lord, S. E. (1993, Feb). *Gender stereotypes in three domains: Their relationship to perceived ability and subject task value*. Paper presented at the fifth International Interdisciplinary Congress on Women, San Jose, Costa Rica.
- Eccles J. S., Adler, T. F., Futterman, R., Goff, S. B., Kaczala, C. M., Meece, J. L., & Midgley, C. (1983). *Expectancies, values, and academic behaviors*. In J. T. Spence (Ed.), *Achievement and achievement motivation* (pp. 75–146). San Francisco, CA: W. H. Freeman.
- Gao, Z. (2007). *Understanding students' motivation in physical education: Integration of expectancy-value model and self-efficacy theory*. Unpublished doctoral dissertation, Louisiana State University, Louisiana, USA.
- Jacobs, J. E., Lanza, S., Osgood, D. W., Eccles, J. S., & Wigfield, A. (2002). Changes in children's self-competence and values: Gender and domain differences across grades one through twelve. *Child Development*, 73(2), 509-527.
- Laman Web Rasmi SUKMA Sarawak. (2014). *Keputusan Sukan SUKMA XVII Perlis 2014*. Retrieved March 3, 2018, from Laman Web Rasmi SUKMA Sarawak: [http://gms.sukmasarawak2016.my/RS2014/bm/cm/MedalsTally\\_Sports.aspx?cid=13&cname=Sarawak](http://gms.sukmasarawak2016.my/RS2014/bm/cm/MedalsTally_Sports.aspx?cid=13&cname=Sarawak)

- Laman Web Rasmi SUKMA Sarawak. (2016). *Keputusan Sukan Sukma XVIII Sarawak*. Retrieved March 3, 2018, from Laman Web Rasmi SUKMA 2016: [http://gms.sukmasarawak2016.my/RS2016/bm/cm/MedalsTally\\_Sports.aspx?cid=13&cname=Sarawak](http://gms.sukmasarawak2016.my/RS2016/bm/cm/MedalsTally_Sports.aspx?cid=13&cname=Sarawak)
- Nunnally, J. C. (1978). *Psychometric Theory*. New York: McGraw-Hill.
- Simpkins, S. D., Fredricks, J.A., Eccles, J.S. (2015). *The Role of Parents in the Ontogeny of Achievement-Related Motivation and Behavioral Choices*, John Wiley & Sons.
- William, H. F. (2013). *Physical education, exercise and sport science in a changing society*. Burlington, MA: Jones & Bartlett Learning.
- Xiang, P., McBride, R., Guan, J. M., & Solmon, M. (2003). Children's motivation in elementary physical education: An expectancy-value model of achievement choice. *Research Quarterly for Exercise and Sport*, 74, 25-35.
- Xiang, P., Bruene, A., & McBride, R. (2004). Using achievement goal theory to assess an elementary physical education running program. *The Journal of School Health*, 74(6), 220-225.
- Xiang, P., McBride, R., & Bruene, A. (2006). Fourth-grade students' motivational changes in an elementary physical education running program. *Research Quarterly for Exercise and Sport*, 77(2), 195-218.